

Cubit bayi sampai lebam

HARIAN MPT 22/09/2018 M/S 1

■ Pengasuh berang si kecil tak henti menangis

Hadzlihady Hassan
cnews@nstp.com.my

Kepala Batas

Berang kerana bayi yang diasuh tidak berhenti menangis, seorang wanita mencubit mangsa hingga lebam di perut dan dada dalam kejadian di Taman Sri Serdang di sini, kelmarin.

Pada kejadian jam 10 pagi, pengasuh berusia 33 tahun terbabit pada mulanya menghantar kiriman aplikasi WhatsApp kepada ibu mangsa memberitahu badan anaknya dipenuhi kesan lebam tanpa diketahui punca.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, ibu mangsa kemudian mengambil bayinya di rumah pengasuh dan membawa ke Hospital Kepala Batas untuk rawatan.

Menurutnya, hasil pemeriksaan, doktor mengesyaki bayi itu menjadi mangsa dera dan terus menghubungi polis.

“Kita turut mengambil keterangan daripada ibu mangsa dan wanita itu mendakwa menghantar bayinya ke rumah pe-

ngasuh, jam 7 pagi.

“Ibu mangsa mendakwa ketika dihantar ke situ, bayinya dalam keadaan baik dan tidak mengalami sebarang kecederaan,” katanya.

Noorzainy berkata, susulan daripada itu, polis menahan suspek dan hasil siasatan wanita berkenaan mengaku dia mencubit mangsa kerana tidak berhenti menangis.

“Suspek mengaku dia terlalu geram selepas bayi berkenaan asyik menangis dan mencubit mangsa untuk menghentikan tangisannya.

“Perbuatan itu dilakukan di ruang tamu dan turut dilihat anak lelakinya yang berusia empat tahun dan kanak-kanak itu dijadikan sebagai saksi dalam

kes ini,” katanya.

Menurutnya, pemeriksaan doktor mendapati memang banyak kesan lebam baru di dada serta perut mangsa namun tiada kecederaan dalam atau patah di tubuhnya.

“Suspek direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001,” katanya.



Hasil pemeriksaan mengesyaki bayi itu jadi mangsa dera
Noorzainy Mohd Noor